

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

3 NGO saman Menteri Kesihatan, kerajaan

Tindakan minta batal perintah kecualikan nikotin daripada Akta Racun

Oleh Johari Mohd Ali dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengemukakan permohonan kebenaran bagi memulakan prosiding semakan kehakiman untuk mencabar keputusan Menteri Kesihatan mengeluarkan nikotin daripada senarai bahan terkawal di bawah Akta Racun 1952.

Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MTCT), Pertubuhan Green Lung Malaysia (GLMA) dan Voice Of The Children (VOC) memfailkan permohonan itu melalui firma guaman, Kanessalingam & Co pada Jumaat lalu, dengan menamakan Menteri Kesihatan dan kerajaan sebagai responden.

MTCT dan GLMA yang menyokong gerakan antitembakau dan VOC yang memperjuangkan hak asasi kanak-kanak, menyatakan bahawa Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa pada 31 Mac lalu membuat Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2023 selepas berunding dengan Lembaga Racun.

Mereka berkata, perintah yang dipertikaikan itu mengecualikan klasifikasi nikotin sebagai racun, iaitu persediaan bahan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan alat pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel.

Pengecualian itu membenarkan rokok elektronik dan produk vape dengan nikotin dijual secara terbuka dan sah di sisi undang-undang kepada sesiapa sahaja, termasuk kanak-kanak dan remaja yang berumur di bawah 18 tahun, tanpa peraturan atau kawalan.

Sehubungan itu, MTCT yang menaungi lebih 40 pertubuhan, MGLA dan VOC menyifatkan menteri tidak bertindak secara rasional dengan ketidakwajaran prosedur yang dilihat tidak seimbang kerana beliau sepatutnya bertanggungjawab melindungi kesihatan awam.

"Menteri sebaliknya gagal dalam tugas itu dengan mengutamakan kutipan hasil. Realitinya, tindakan menteri itu memudaratkan kesihatan awam, terutama kanak-kanak yang paling mudah terdedah kepada bahaya merokok

Tuntutan ini bukan lagi satu kejutan kerana sudah banyak rayuan, percubaan dan rundingan dilakukan membabitkan kebimbangan dalam menangani keadaan yang tidak terkawal untuk vape dan e-rokok yang mengandungi nikotin



Azrul Mohd Khalib,
Ketua Eksekutif Pusat Galen untuk Dasar
Kesihatan dan Sosial

itu," menurut kumpulan itu seperti dilaporkan portal *Codeblue*.

Terdahulu dalam Dewan Khas Dewan Rakyat pada 12 Jun lalu, Dr Zaliha berkata, pengecualian cecair nikotin daripada senarai racun adalah 'proses wajar' kerajaan bagi membenarkan duti eksais dikenakan ke atas rokok elektronik dan cecair vape mengandungi nikotin.

Gesa kerajaan kaji semula

Sementara itu, Ketua Eksekutif Pusat Galen untuk Dasar Kesihatan dan Sosial, Azrul Mohd Khalib dalam satu kenyataan, berkata permohonan semakan kehakiman itu satu gesaan kepada kerajaan untuk mengkaji semula keutamaan berhubung kawalan tembakau.

Katanya, keputusan plaintif memfailkan tuntutan itu bertujuan mencegah dan mengurangkan kemungkinan bahaya akibat keputusan awal mengeluarkan cecair nikotin dalam vape dan

e-rokok daripada senarai bahan terkawal di bawah Akta Racun 1952.

"Tuntutan ini bukan lagi satu kejutan kerana sudah banyak rayuan, percubaan dan rundingan dilakukan membabitkan kebimbangan dalam menangani keadaan yang tidak terkawal untuk vape dan e-rokok yang mengandungi nikotin.

"Ini tindakan terakhir untuk meminta kerajaan mengambil langkah segera mencegah kemudaratkan, terutama dengan peningkatan laporan penggunaan vape bercampur nikotin dan ganja yang tinggi dalam kalangan generasi muda," katanya.

Katanya, sekiranya kerajaan mengekalkan status semasa, ia seolah-olah memperlihatkan kerajaan mempertahankan vape nikotin dan e-rokok, sedangkan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini memberi amaran bahawa produk terbahit mengancam kesihatan awam.

Ibadat & Fadilat

Ibnu Abbas RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa melazimi istighfar, Allah SWT akan menjadikan jalan keluar bagi setiap kesempitannya dan kelapangan daripada setiap kebimbangannya itu kelapangan serta dilistrikan rezeki daripada sumber tidak disangka-sangka kepadanya." (HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:53	1:25	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:54	1:25	4:51	7:38	8:54
P. Pinang	5:56	1:25	4:51	7:37	8:53
Ipoh	5:55	1:23	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:55	1:20	4:46	7:29	8:45
Shah Alam	5:55	1:20	4:46	7:29	8:45
Johor Bahru	5:49	1:12	4:37	7:17	8:32
Kuantan	5:50	1:15	4:40	7:23	8:38
Seremban	5:55	1:19	4:45	7:26	8:42
Bandar Melaka	5:54	1:18	4:43	7:25	8:40
Kota Bharu	5:47	1:18	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:45	1:14	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:54	12:24	3:49	6:35	7:51
Kuching	5:24	12:47	4:12	6:52	8:07

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

STAR fokus perluas Projek Bitara MADANI

Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Malaysia MADANI (MTMM) bersetuju supaya Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) melaksana dan memperluaskan Projek Bitara MADANI dengan segera, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini termasuk memberi fokus kepada penyelesaian terhadap kesulitan dan masalah dihadapi rakyat.

Beliau berkata, tindakan ini bukti kerajaan komited dalam meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemudahan menjalankan perniagaan.

"MTMM sudah memberi tumpuan kepada dua projek baharu Bitara MADANI iaitu usaha menaik taraf fasiliti daif di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) dan memperluas pelaksanaan Gerai MADANI.

"Di bawah projek menaik taraf fasiliti, kerajaan sedang mengambil langkah segera bagi menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan di bawah KKM dengan sasaran kesemua fasiliti akan memasuki peringkat pelaksanaan menjelang akhir 2023.

"Bagi memperluas pelaksanaan Gerai MADANI, kaedah penambahbaikan yang digunapakai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dilaksanakan untuk menaik taraf 20 medan selera di bawah PBT terpilih," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Ubah penampilan, bersih

Anwar berkata, penambahbaikan yang dilaksana itu akan mengubah penampilan dan kemudahan supaya lebih bersih dan indah demi kesejahteraan rakyat.

"Projek Bitara MADANI sentiasa mendukung rukun Malaysia MADANI dan menggunakan pendekatan 'The Whole of Government' di mana ketua projek terdiri daripada kalangan pegawai kanan Perkhidmatan Awam di kementerian/jabatan yang berbeza dengan kementerian/jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek yang dikenal pasti.

"Ini bagi memastikan pelaksanaan projek Bitara MADANI dinilai daripada perspektif berbeza dan menyeluruh," katanya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sebelum ini berkata program dan inisiatif bitara Malaysia MADANI kini melaksanakan pelbagai usaha memberi keselesaan kepada orang ramai seperti mengurangkan kesesakan di hospital, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta pembangunan sekolah daif di seluruh negara.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

NIKOTIN KELUAR DARIPADA SENARAI BAHAN TERKAWAL

Tiga pertubuhan kesihatan cabar keputusan KKM, kerajaan

Kuala Lumpur: Tiga pertubuhan kesihatan dan kanak-kanak mengemukakan permohonan kebenaran bagi memulakan prosiding semakan kehakiman untuk mencabar keputusan Menteri Kesihatan mengeluarkan nikotin daripada senarai bahan terkawal di bawah Akta Racun 1952.

Majlis Kawalan Tembakau Malaysia dan Pertubuhan Green Lung Malaysia serta persatuan hak asasi kanak-kanak, Voice Of The Children Sdn Bhd selaku pemohon menamatkan dua responden iaitu Kementerian Kesihatan dan kerajaan

melalui firma guaman Kanesalingam & Co pada 30 Jun lalu.

Ketiga-tiga pemohon menyatakan bahawa Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa pada 31 Mac lalu membuat Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2023 selepas berunding dengan Lembaga Racun.

"Perintah yang dipertikaikan membuat dua pengecualian lanjut kepada klasifikasi nikotin sebagai racun iaitu dua pengecualian lanjut kepada klasifikasi nikotin iaitu persediaan bahan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan

alat pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel.

"Pengecualian itu membenarkan rokok elektronik dan produk vape dengan nikotin dijual secara terbuka dan sah di sisi undang-undang kepada sesiapa sahaja, termasuk kanak-kanak dan remaja yang berumur di bawah 18 tahun, tanpa peraturan atau kawalan.

"Ini juga dilaksanakan walaupun terdapat bukti yang berlambak mengenai bahayanya peranti merokok elektronik dan cecair vape, serta peningkatan kemungkinan vape membawa kepada ketagihan nikotin dalam kala-

ngan kanak-kanak," katanya.

Menurutnya, Lembaga Racun sebulat suara mengundi bertentangan pengecualian yang dipertikaikan atas alasan perubahan dan kesihatan.

"Pengecualian itu bagi membenarkan duti eksais dikenakan ke atas rokok elektronik dan cecair vape mengandungi nikotin. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, kemudian melaksanakan duti eksais 40 sen setiap mililiter ke atas rokok elektronik dan cecair vape mengandungi nikotin mulai 1 April 2023, dan pengilang dikehendaki men-

daftarkan aktiviti pengilangan dengan Jabatan Kastam selewat-lewatnya pada 30 April.

"Pada masa sama, KKM menyatakan ketika pentadbiran sebelum ini dan ketika Zaliha memegang jawatan, undang-undang akan diperkenalkan bagi menamatkan penggunaan produk tembakau dengan mengehadkan penjualannya kepada kanak-kanak, dengan itu menamatkan ketagihan nikotin generasi semasa," katanya.

Katanya, selain itu, undang-undang dan peraturan atas rokok elektronik dan vape membenarkan secara sah

di sisi undang-undang bahawa apa-apa tahap kandungan nikotin yang terdapat dalam produk itu.

"Nikotin adalah beracun pada 60 miligram (mg) setiap mililiter (ml) (enam peratus) kepekatan. Paket biasa rokok di Malaysia biasanya mengandungi 20mg nikotin, dengan setiap batang mengandungi 1.0mg nikotin.

"Akan tetapi, produk pakai buang nikotin atau pod vape dengan 30mg setiap ml (tiga peratus) hingga 50mg setiap ml (lima peratus) nikotin kini tersedia di pasaran Malaysia," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL



KELUARGA pasangan warga emas yang maut kerana makan hidangan ikan buntal goreng mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak bertanggungjawab. - Gambar NSTP/MOHAMAD FAHD RAHMAT

PASANGAN WARGA EMAS MAUT MAKAN IKAN BUNTAL

'Kami mahu keadilan untuk mendiang'

Kluang: Keluarga pasangan warga emas yang meninggal dunia kerana memakan hidangan ikan buntal goreng mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang didakwa bertanggungjawab dalam kejadian terbabit.

Menurut Ng Ai Lee, 51, keluarganya turut dinafikan hak mendapatkan laporan toksikologi berkaitan kematian ibu, Lim Siew Guan, 83, pada 25 Mac lalu, dan bapa, Eng Kuai Sin @ Ng Chuan Sing, 84, yang meninggal dunia pada 8 April lalu.

"Melalui peguam, kami cuba meminta laporan toksikologi, tetapi dinafikan atas alasan ia mesti diluluskan penasihat undang-undang.

"Kami tidak faham hak sebagai waris ke atas mendiang ibu dinafikan untuk mengetahui fakta kematian," katanya, semalam.

Pada masa sama, Ai Lee berkata, keluarganya kecewa kerana kerajaan didakwa tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap penjualan ikan berkaitan.

Ini kerana, katanya, pe-

gawai berkaitan membuat kenyataan bahawa undang-undang sedia ada mencukupi.

"Oleh itu, kami sedia ambil tindakan undang-undang terhadap pihak bertanggungjawab atas kematian ibu bapa kami," katanya.

Menurut Ai Lee, keluarganya kecewa kerana janji pihak berkuasa mengemas kini perkembangan siasatan kes itu tidak dikotakan.

Sementara itu, laporan berhubung kejadian berkenaan sudah disiap dan diserahkan kepada pihak pen-

dakwaan untuk tindakan terhadap pihak berkaitan yang terbabit dalam peristiwa berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, sehingga kini pihaknya belum menerima apa-apa maklum balas daripada pihak pendakwaan berhubung tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, pihaknya berharap pendakwaan meneruskan tindakan termasuk mendakwa mereka yang terbabit dalam kejadian berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Wabak denggi: Perak tak guna nyamuk Wolbachia

IPOH - Kerajaan negeri Perak tidak akan menggunakan nyamuk Aedes berbakteria Wolbachia bagi mengawal wabak denggi di negara ini.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan berkata, jumlah kes denggi di negeri ini terkawal dan mencatatkan penurunan bagi minggu epid 26/2023 iaitu 42 kes berbanding 50 kes bagi minggu epid 25/2023.

Menurutnya, sehingga 1 Julai, terdapat 10 lokaliti wabak aktif dikesan iaitu sembilan daripadanya wabak terkawal di daerah Kinta manakala satu lokaliti diklasifikasikan sebagai wabak tidak terkawal di Kuala Kangsar.

"Cadangan itu (guna nyamuk Wolbachia) ada tetapi disebabkan kes kurang dan kos tinggi, jadi kita rasa di Perak tak perlu buat masa ini," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada Isnin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

436 fasiliti kesihatan ditambah baik segera

PETALING JAYA: Sebanyak 436 fasiliti dan klinik kesihatan bawah Kementerian Kesihatan disasarkan memasuki peringkat pelaksanaan untuk ditambah baik menjelang akhir tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu merupakan antara dua tumpuan Majlis Tindakan Malaysia Madani dalam meningkatkan

kemudahan untuk rakyat.

Menurutnya, satu lagi tumpuan majlis tindakan itu ialah Gerai Madani dan kaedah penambahbaikan yang diguna pakai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dilaksanakan untuk menaik taraf 20 medan selera di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tindakan penambahbaikan

akan mengubah penampilan dan kemudahan agar lebih bersih dan indah demi keselesaan rakyat," katanya dalam Facebook beliau semalam.

Anwar memaklumkan, Majlis Tindakan Malaysia Madani bersetuju agar Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (Star) melaksana dan memperluaskan projek Bitara Madani de-

ngan segera termasuk memberi fokus kepada penyelesaian terhadap masalah dihadapi rakyat.

Katanya, projek Bitara Madani menggunakan pendekatan *The Whole of Government* di mana ketua projek terdiri dalam kalangan pegawai kanan perkhidmatan awam di kementerian atau jabatan yang berbeza dengan kementerian yang ber-

tanggungjawab terhadap projek yang dilaksanakan.

"Ini bagi memastikan setiap pelaksanaan projek-projek Bitara Madani dinilai daripada perspektif berbeza dan lebih menyeluruh dengan tumpuan kepada kos yang rendah, pelaksanaan penyelesaian segera dan penggunaan sumber sedia ada," katanya.

149 hospital kerajaan akan ada doktor pakar

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kesemua 149 hospital kerajaan akan mempunyai doktor pakar sendiri berikutan langkah Kementerian Kesihatan melaksanakan pengumpulan data dan pemetaan terhadap 7,000 pakar perubatan sedia ada.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, melalui langkah itu, semua hospital kerajaan tidak perlu lagi bergantung khidmat doktor pakar secara kluster atau lawatan pakar ke hospital tanpa pakar khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Menurutnya, mengisi kekosongan tenaga pakar di hospital kerajaan adalah langkah yang ideal, sekaligus membolehkan pesakit menjimatkan masa dan perbelanjaan bagi mendapatkan rawatan doktor pakar, selain tidak perlu melakukan perjalanan jauh.

Katanya, beliau telah membangkitkan perkara itu kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan untuk diteliti.

"Bagaimanapun, ia tidak mudah kerana kerajaan perlu melihat kepada kemampuan untuk menyediakan khidmat doktor pakar selain fasiliti perubatan yang perlu ada di hospital tanpa pakar ini. Kadang-kadang, hanya ada satu pakar di pedalaman dan adakah fasilitinya cukup?"

"Sebab itu kerajaan perlu mengenal pasti kepakaran yang ada melalui pemetaan dan pangkalan data, barulah kita boleh menilai bidang kepakaran apa yang boleh diletakkan di

Hanya 6,985 doktor pakar, tidak cukup rawat pesakit

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia hanya mempunyai 6,985 pakar perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan dan jumlah tersebut tidak mencukupi untuk merawat 80 peratus daripada 33.2 juta penduduk terutama dalam kalangan berpendapatan rendah B40.

Kekurangan doktor pakar itu melibatkan pelbagai bidang (jantung), onkologi (kanser), perubatan paliatif, perubatan geriatrik (penyakit orang tua), neurosurgeri (otak), obstetrik dan ginekologi serta psikiatri.

UTUSAN Malaysia
20 Jun 2023.

sesuatu kawasan khususnya hospital tanpa pakar.

"Sekarang ini perlu lihat dari sudut data, prevalen penyakit-penyakit yang ada sekarang. Sebab itu dalam setiap ucapan saya menyentuh soal penyakit tidak berjangkit (NCDs), onkologi dan banyak lagi kerana semakin hari kes semakin meningkat," katanya ketika dihubungi semalam.

Pada 23 Jun lalu,

Zaliha memberitahu, sebanyak 42 buah hospital kluster berjaya dibenut u k sejak sede-

kad lalu di seluruh negara.

Hospital kluster adalah penggabungan dua atau lebih hospital-hospital berpakar dan hospital tanpa pakar di lokasi geografi berdekatan yang dilaksanakan bagi menyelaraskan perkhidmatan melalui perkongsian dan mengoptimum sumber-sumber di hospital terlibat.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia memberitahu negara ini hanya mempunyai 6,985 pakar perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan dan jumlah itu tidak cukup untuk merawat 80 peratus daripada 33.4 juta penduduk Malaysia terutama dalam kalangan berpendapatan rendah B40.

Kekurangan doktor pakar itu melibatkan pelbagai bidang antaranya kardiotorasik (jantung), onkologi (kanser), perubatan paliatif, perubatan geriatrik (penyakit orang tua), neurosurgeri (otak), obstetrik dan ginekologi serta psikiatri.

Hanya kira-kira 70 hospital yang ada khidmat doktor pakar secara residen manakala baki hospital lain hanya menyediakan khidmat pakar secara lawatan.

Lebih 60 hospital kerajaan tidak ada doktor pakar dan kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan pedalaman.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : DALAM NEGERI

Akta Racun: NGO mohon batalkan perintah kecualikan nikotin

KUALA LUMPUR: Tiga pertubuhan bukan kerajaan memfailkan saman terhadap Menteri Kesihatan dan Kerajaan Malaysia berhubung keputusan mengeluarkan cecair nikotin daripada senarai Akta Racun 1952.

Plaintif-plaintif, Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MKTM); Pertubuhan Green Lung Malaysia (MGLA) dan Voice of Children (VOC) memfailkan saman tersebut melalui firma guaman, Tetuan Kanesalingam & Co. pada 28 Jun lalu di Mahkamah Tinggi di sini.

Mereka menamakan Menteri Kesihatan (tidak dinamakan secara spesifik) dan kerajaan selaku defendan pertama dan kedua.

Menurut penyata tuntutan, pada 31 Mac lalu, Menteri Kesihatan (pada ketika ini, jawatan tersebut dipegang oleh Dr. Zaliha Mustafa) membuat keputusan untuk meminda senarai di bawah Akta Racun 1952 yang mengeluarkan nikotin daripada senarai tersebut.

Cecair nikotin sebelum ini disenaraikan dalam Akta Racun 1952 ekoran ia bukan produk hasil tembakau yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Mengikut Seksyen 17 Akta Racun, bahan yang berada dalam senarai akta tersebut tidak boleh dijual kepada mereka di bawah umur 18 tahun dan tindakan menjual atau membekalkan racun kepada orang belum dewasa kecuali untuk tujuan rawatan perubatan orang tersebut melakukakan satu kesalahan di bawah Akta Racun.

Ekoran pindaan tersebut,

rokok elektronik (vape) dan cecair nikotin boleh dijual secara terbuka kepada sesiapa sahaja tidak mengira peringkat umur.

Menurut laporan media sebelum ini, Dr. Zalina menyatakannya pengecualian cecair nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin daripada Akta Racun 1952 membolehkan kerajaan mengenakan cukai sebanyak 40 sen setiap mililiter (ml).

Plaintif-plaintif mendakwa Menteri Kesihatan bertindak secara salah, tidak rasional dan tidak mengikut prosedur.

Plaintif mendakwa sebagai Menteri Kesihatan, defendan pertama itu gagal menjalankan tanggungjawabnya untuk menjaga kesihatan awam sebaliknya tindakan mengecualikan nikotin daripada Akta Racun 1952 memudaratkan kesihatan awam secara khususnya terhadap kanak-kanak yang merupakan kalangan yang paling terdedah dalam masyarakat.

Selain itu, plaintif mendakwa Menteri bertindak tanpa mengambil kira pandangan Lembaga Racun dan tidak menyatakan alasan munasabah untuk bertindak bertentangan dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga berkenaan.

"Alasan pengecualian bagi membolehkan duti kastam dikenakan terhadap bahan beracun bukan alasan dibenarkan atau rasional. Menteri (defendan pertama) bertindak atas kehendak Kementerian Kewangan dan bertindak bertentangan dengan undang-undang (ultra vires) Akta Racun," ujamnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : DALAM NEGERI

Ikan buntal: PKD Kluang, JKNJ diminta hantar segera laporan kertas siasatan

BATU PAHAT: Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kluang dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) diminta menghantar segera laporan tentang perkembangan kertas siasatan kes kematian pasangan suami isteri warga emas selepas memakan ikan buntal, Mac lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, laporan siasatan tentang kejadian itu telah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (DPP) untuk tindakan lanjut pada penghujung Mei lalu namun belum mendapat maklum balas daripada pihak berkenaan.

"Saya mengambil maklum, sidang akhbar waris pasangan warga emas terbabit di Kluang. PKD Kluang dan JKNJ telah diminta menghantar laporan tentang perkembangan kertas siasatan kes tersebut.

"Saya dimaklumkan siasatan oleh PKD Kluang telah selesai dan laporan dihantar ke JKNJ. Seterusnya JKNJ sudah menghantar laporan terbabit kepada DDP agar tindakan selanjutnya dapat diambil.

"Namun belum ada sebarang maklum balas daripada pendakwa. Saya harap tindakan undang-undang dapat diteruskan secepat mungkin," katanya mengulas gesaan anak

pasangan tersebut, Ng Ai Lee, 51, yang meminta laporan siasatan tentang kes itu diserahkan segera kepada pihaknya.

Tian Soon berkata demikian semasa ditemui selepas melawat Klinik Kesihatan Ayer Hitam di sini semalam.

Dalam insiden Mac lalu, pasangan warga emas, Eng Kuai Sin@ Ng Chuan Sing, 84, dan isterinya, Lim Siew Guan, 83, meninggal dunia dipercayai mengalami keracunan selepas memakan ikan buntal goreng dijual seorang peniaga.

Dalam itu, Tian Soon mengakui wujud kekangan dari segi akta kerana terdapat dua akta berbeza, iaitu Akta Ma-

kanan 1983 dan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972 tentang larangan penjualan ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya.

"Seharusnya ada penambahbaikan dari segi akta. Saya pernah suarakannya dalam mesyuarat Exco bersama Menteri Kesihatan sebelum ini.

"Sewajarnya Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai kuasa mutlak ambil tindakan. Ketika ini terdapat percanggahan antara KKM dan Jabatan Perikanan.

"Oleh itu saya minta KKM tambah baik akta sedia ada supaya penguatkuasaan lebih jelas," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : FORUM



MASALAH panas baran dan tekanan emosi perlu segera dirawat bagi mengatasi peningkatan bilangan kes keganasan rumah tangga.

Jumpa doktor segera kalau panas baran, suka melenting

SAUDARA PENGARANG,

HARI demi hari, ada sahaja laporan mengenai perihal rumah tangga tersebar luas di media sosial berpunca daripada individu yang bersifat darah panas.

Darah panas atau panas baran merujuk pada individu yang tiada daya untuk mengawal dan ketidakupayaan menahan emosi apabila sedang marah.

Baru-baru ini, terdapat satu kes seorang pengangsur sanggup mencederakan isterinya dengan sebilah pisau. Kejadian ini berpunca daripada sikap suka melenting dan 'naik tangan' terhadap pasangan.

Menurut pemerhatian, banyak kes melibatkan kehancuran rumah tangga berpunca daripada sikap panas baran sehingga mampu mencederakan pasangan. Bahkan ada kes yang menyebabkan kematian.

Bagi saya, pucuk pangkal seseorang individu bersikap agresif dan baran berpunca daripada masalah kesihatan mental yang tidak stabil. Perkara ini sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan mereka.

Memetik kenyataan pakar pengamal am, Dr. Ramzhdan dalam satu soal jawab di sebuah portal kesihatan, faktor yang

mendorong seseorang panas baran adalah daripada gejala tekanan berlebihan.

Ekoran daripada tekanan tersebut, sikap berang dalam diri individu yang berdarah panas itu lebih membuak-buak sehingga pasangan mereka turut terkesan.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara yang juga pengamal ilmu kaunseling, Dr. Airil dalam satu artikel menyatakan, marah adalah suatu tindak balas semula jadi dan secara automatik terhadap kesakitan fizikal atau lazimnya kerana gangguan emosi.

Namun begitu, emosi marah boleh dikawal dengan memberi ruang dan peluang kepada diri sendiri untuk bertenang selain mengosongkan fikiran. Hal ini kerana individu terbabit tidak mendapat rehat yang cukup.

Tuntasnya, pihak berkuasa haruslah memainkan peranan penting untuk membendung isu ini dengan memberikan khidmat nasihat kepada individu terlibat dalam keganasan rumah tangga. Individu yang mempunyai gejala panas baran dan tekanan emosi juga perlulah berjumpa doktor pakar dengan segera.

NUR MUNIRAH NORDIN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

GROUP SUES HEALTH MINISTER, GOVT

'MINISTER'S ACT HARMS PUBLIC HEALTH'

Directive to remove nicotine from Poisons Act challenged in judicial review bid

RAHMAT KHAIRULRIJAL
KUALA LUMPUR
rahmat@nst.com.my

THE Health Ministry was prioritising tax collection revenue when they removed nicotine from the Poisons Act (PA) 1952, claimed several child rights and anti-tobacco advocates.

The Malaysian Council for Tobacco Control, Malaysian Green Lung Association and Voice of the Children also claimed Health Minister Dr Zaliha Mustafa's action was disproportionate as she had a duty to protect the public's health.

"The minister's actions harmed public health, particularly children who are the most vulnerable."

"Dr Zaliha acted on the wishes of the Finance Ministry in disregarding the decision of the Poisons Board."

"She failed to apply and exercise her own independent judgement as is expected of a reasonable health minister responsible for health, rights and safety measures," claimed the group in their judicial review application to challenge the Health Ministry directive issued three months ago.



A 'no smoking' sign at a food court in Kota Baru. Child rights and anti-tobacco advocates claim that the removal of nicotine from the Poisons Act 1952 allows it to be sold legally to minors. FILE PIC

The applicants filed the suit at the High Court here on Friday, naming Dr Zaliha and the government as the first and second respondents, respectively.

On April 1, the Health Ministry published a gazette notice stating that nicotine liquids and gels used in e-cigarettes and vape products had been granted exemption from poisons control.

The applicants contended that the Poisons Board unanimously voted against the impugned exemption on medical and health grounds.

The members of the board in-

clude the health director-general, medical experts, pharmacists, specialists and those appointed by specialist organisations.

"The impugned exemption allowed electronic cigarettes and vape products with nicotine to be sold openly and legally to anyone, including children and adolescents aged below 18."

"The minister did not properly consider and engage the Poisons Board's decision, but proceeded to make the impugned order."

"It (impugned exemption) was stated to be for the purpose of enabling excise duties to be im-

posed on electronic cigarettes and vape liquids containing nicotine."

"The minister failed to adequately consult with the Poisons Board and there was therefore no effective 'consultation' as required by Section 6 of the PA," the applicants claimed.

Section 6 of the PA grants the minister power to amend the schedule to the act in relation to the lists of poisons in consultation with the Poisons Board.

The applicants further claimed that the impugned exemption was made with no regard for the

rights and was contrary to the best interests of children.

"The minister also did not afford stakeholders, including the applicants, a right to be heard on the matter before making her decision."

The applicants are seeking a court order to declare the Health Ministry's directive in removing nicotine from the Poisons Act as null and void.

They are also further seeking a stay of proceedings on the order at the Parliament session pending the disposal of their judicial review application.



The suit must have come after numerous appeals, attempts at engagement and consultation...

AZRUL MOHD KHALIB
Galen Centre for Health and Social Policy Chief Executive Officer

'Wake-up call for govt to review priorities'

KUALA LUMPUR: The judicial review filed by several child rights and anti-tobacco advocates against the health minister and the government should serve as a wake-up call, said think-tank Galen Centre for Health and Social Policy.

The organisation's chief executive officer, Azrul Mohd Khalib, said the suit should be seen as a call to the government to review its priorities regarding tobacco control.

It was reported earlier that Health Minister Dr Zaliha Mustafa and the government were named as the first and second defendants respectively in a judicial review filed by several

child rights and anti-tobacco advocates to challenge the government's directive removing nicotine from the Poisons Act 1952.

The application claimed Zaliha's actions failed to protect public health and instead prioritised revenue collection.

Following this, Azrul said the suit came as a "shock" but was "not surprising", as it was a demand for accountability.

He said the judicial review filed also displayed the advocates' intention to prevent and reduce possible harm from the government's decision to remove liquid and gel nicotine used in vapes and e-cigarettes from the list of

controlled substances under the act.

"The suit must have come after numerous appeals, attempts at engagement and consultation, as well as public health experts and child rights advocates' increasing frustration at the seeming lack of concern and progress in addressing the unregulated and uncontrolled state of vape and e-cigarette sales."

"This (judicial review) will serve as the last resort to get the government to take immediate measures to prevent harm, especially with increasing reports of high nicotine and marijuana-laced vape use among youths and children."

"It also places the government at a crossroads and offers an opportunity that begs the question on whether they should continue defending their decision or reverse the order pending the passage of the Control of Smoking Product for Public Health Bill 2023 in Parliament," he said in a statement.

Azrul added that should the government maintain their decision to delist nicotine from the act, it would further place them in an impossible position of defending the use of vapes and e-cigarettes containing nicotine despite the Health Ministry's own warning that lists such products as a "public health threat".

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANG : NATION

Ministry sued over nicotine

NGOs challenge removal of substance from Poisons Act list

By NURBAITI HAMDAN
nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Three non-governmental organisations (NGOs) have filed a legal challenge over the Health Ministry's decision to remove nicotine from the list of controlled substances under the Poisons Act.

The three – the Malaysian Council for Tobacco Control, the Malaysian Green Lung Association and Voice of The Children Sdn Bhd – filed for leave for a judicial review application through Kanesalingam & Co at the High Court on June 30.

They named the Health Minister and the Government as the first and second respondents

respectively. In the suit, the groups claimed that on March 31, the Health Minister made the amendment to the Poisons (Amendment of Poisons List) Order 2023, purportedly with the consultation of the Poisons Board.

The new law, it said, made exemptions on the classification of nicotine.

"It is contended that the Poisons Board unanimously voted against the impugned exemption on medical and health grounds.

"Nonetheless, the minister did not properly consider and engage the Poisons Board's decision, but proceeded to make the impugned order," the groups said.

They claimed the decision by the ministry would allow elec-

tronic cigarettes and vape products with nicotine to be sold openly and legally to anyone, including children and adolescents aged below 18, without any form of regulation or control, as there is currently no regulation or legislation regulating electronic cigarettes and vape products with nicotine.

"Her actions were also disproportionate because the minister, who was under a duty to protect public health, had in fact failed in that duty and instead prioritised revenue collection," they claimed.

"In reality, the minister's actions harm public health, particularly children who are the most vulnerable in society," they said.

They further claimed that the

power to make such an order under Section 6 of the Poisons Act, was unconstitutional and *ultra vires* to the legislative power of the Parliament as enshrined in Article 66 of the Federal Constitution.

The applicants are seeking a *certiorari* order to quash the amendment on the law provision made on March 31.

Alternatively, they seek a court declaration that the impugned exemption for nicotine is void, as well as other reliefs considered just by the court.

They also seek a stay of proceedings on the impugned order pending the disposal of the substantive hearing of the judicial review application.

Delisting nicotine could put kids at risk of addiction, say groups

By GERARD GIMINO
and ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Removing liquid and gel nicotine from under the control of the Poisons Act 1952 puts children at risk of addiction, says Voice of the Children (VOC) chairman Sharmila Sekaran.

With no safeguards to stop the sale of vapes and e-cigarettes, she fears young children being addicted to these products.

"There are sufficient research highlighting the adverse effects of using these products and how it relates to health issues, and what more for young children."

"What's next after they get addicted? Has the Health Ministry thought about these children's progression to other forms of substances later on?"

"Children may not know how something is harmful and are vulnerable. That is why we adults have to protect them," Sharmila said.

VOC, along with the Malaysian Council for Tobacco Control (MCTC) and the Malaysian Green Lung Association, have filed a legal challenge over the Health Ministry's decision to remove nicotine from the list of controlled substances under the Poisons Act 1952.

Malaysian Green Lung Association president Ho Rhu Yann said it was puzzling why the Health Minister hurried to delist liquid and gel nicotine from the Poisons Act 1952 when there were no other regulations in place to recategorise them.

"This opens up opportunities for irresponsible retailers to sell and promote the products openly, which is already happening.

"We don't want another substance to prey on our children and teenagers," he said.

He said the association, along with other anti-smoking groups, had repeatedly voiced their concerns through the media, calling for the Health Ministry to reverse this decision.

However, it had fallen on deaf ears.

"There is a void in the regulations and this poses a grave danger to public health," he said.

MCTC secretary-general Muhammad Sha'ani Abdullah said the government's rationale behind the move, which is to impose an excise tax on liquid or gel nicotine-containing products, did not prioritise public health.

He said the government should increase taxes on cigarettes, which have not been raised since 2015, and pressure the agencies in charge of curbing the smuggling of tobacco products, if it wanted to increase revenue.

"We had to take it to court as we will not compromise the lives of our children," he said.

The Health Ministry could not be reached for comment.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

RM1.6mil for upgrading of two govt clinics in Johor

AYER HITAM: A total of RM1.6mil will be spent to upgrade two government clinics in Johor, says state health and unity committee chairman Ling Tian Soon.

He said that of the funds received from the Health Ministry, RM1mil will be set aside for the 37-year-old Ayer Hitam health clinic here to improve its facilities such as gates, ceilings and toilets.

"Half of the sum will be used to upgrade the clinic's main building and the other half for its staff quarters located within the compound.

"The tendering process has begun. We hope the project can begin soon and be completed by this year," he said yesterday after a working visit to the clinic, which handles some 300 patients daily.

On the remaining RM600,000, Ling said it will go to upgrading the Parit Amil rural health clinic in Yong Peng.

"This facility is quite old and some parts of the wooden structure have been damaged by termites.

"The upgrading process is expected to take about a year to complete and from what I understand, patients will temporarily be referred to the nearby Yong Peng health clinic for treatments," said the Yong Peng assemblyman.

On Saturday, MCA president and Ayer Hitam MP Datuk Seri Dr Wee Ka Siong called for an immediate allocation for the facility.

On a separate matter, Ling said he has instructed the Kluang health office to get in touch with the next of kin of the elderly couple who died after consuming poisonous pufferfish.

He said a report on the couple's death was submitted to the deputy public prosecutor's office in May and the family has to be updated on any development.

Ling was responding to a claim by the couple's daughter Ng Ai Lee who said the family is in the dark over the investigation process.